

1.0 Latar Belakang

Buku Garis Panduan Piawaian Tempat Letak Kereta (TLK) telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia iaitu garis panduan bernombor JPBD 5/2000. Garis panduan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Terengganu pada 6 Julai 2000 (ruj: JPN 2/2002) dan mendapat perakuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 21 Ogos 2002.

Garis panduan ini mempunyai kandungan sebagaimana berikut :-

- Tujuan
- Objektif
- Latar Belakang
- Prinsip Perancangan
- Dasar-Dasar Pelaksanaan
- Garis Panduan Umum
- Garis Panduan Khusus
- Rekabentuk Susunatur Tempat Letak Kereta
- Garis Panduan Khas

2.0 Dasar Pelaksanaan

Bagi tujuan pelaksanaan, syarat-syarat penyediaan tempat letak kereta ini diambilkira semasa permohonan Kebenaran Merancang atau permohonan Pelan Bangunan sebagaimana berikut:

- Menerima pakai "Buku Garis Panduan Piawaian Tempat Letak Kereta iaitu rujukan : JPBD 5/2000 sebagaimana keputusan MMKN.
- Penggunaan jadual 7.3.1: Garis Panduan TLK Gunatanah Perdagangan (Bandar melebihi 1 juta penduduk) dipinda kepada garis panduan TLK gunatanah perdagangan (keseluruhan kawasan Majlis Perbandaran Kemaman)
- Bagi bangunan "free standing building", penyediaan TLK adalah meliputi 75% daripada jumlah TLK yang diperlukan
- Bagi bangunan rumah kedai (conventional shop lot; contoh lot kedai biasa (20 x 70 kaki) dengan ketinggian 1 hingga 4 tingkat; penyediaan TLK adalah

mengikut keupayaan fizikal tapak yang dibenarkan. Sementara baki yang tidak dapat disediakan hendaklah dibayar sumbangan pada kadar yang ditetapkan)

- Bagi bangunan rumah kedai (conventional shop lot) dengan ketinggian melebihi 4 tingkat, hendaklah menyediakan 75% daripada jumlah petak TLK yang diperlukan dan baki 25% TLK hendaklah dibuat sumbangan kepada Majlis mengikut kadar yang ditetapkan
- Bagi lot-lot yang diluluskan melebihi nisbah plot (free standing building) yang dibenarkan, penyediaan TLK hendaklah disediakan sepenuhnya
- Kadar bayaran sumbangan TLK yang dikenakan adalah sebanyak RM10,000.00 (Kelulusan Mesyuarat Penuh pada 9hb.Julai 2008) bagi 1 petak untuk setiap petak yang gagal disediakan. Manakala piawaian kadar pengiraan keperluan TLK diubah dari 75 m.persegi kepada 47 m.persegi bagi setiap TLK.
- Peratus penyediaan TLK yang diberi pengecualian kepada pemaju ialah 25% dari jumlah TLK yang wajib disediakan mengikut pengiraan keperluan TLK yang baru.
- Syarat bagi bayaran sumbangan akan terbatal jika pemilik atau pemaju dapat menyediakan alternatif tapak TLK di kawasan berdekatan atau dengan apa cara yang munasabah bagi tujuan TLK awam tertakluk kepada kelulusan Majlis.
- Penyediaan petak-petak TLK di atas jalanraya adalah dibenarkan pada rezab jalan susur bersaiz 12 meter ke atas sahaja dengan rekabentuk yang diluluskan Majlis.
- Lorong tepi dan lorong belakang yang mempunyai kelebaran 7.92m (26 kaki) ke atas sahaja boleh dibenarkan digunakan untuk TLK dengan rekabentuk yang diluluskan oleh Majlis.